

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN:

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah strategik yang boleh dilaksanakan oleh JAKIM, dengan kerjasama NGO Muslim yang berkaliber bagi melicinkan proses permohonan 'Tanda Halal' oleh para pengusaha Muslim di seluruh negara kerana nisbah peratusan pengusaha Muslim yang mendapat 'Tanda Halal' masih tersangat rendah dari segi bilangan serta dari segi 'nilai dagangan' jauh lebih rendah.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa mengadakan program dan kerjasama dengan persatuan-persatuan industri seperti Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia

(PERDASAMA), Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM), Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Persatuan Usahawan Asnaf dan lain-lain. Disamping itu juga, agensi pembimbing juga sentiasa dilibatkan iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan(FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Halal Development Corporation(HDC) dan lain-lain.

Antara langkah-langkah strategik yang telah diambil bagi membantu meningkatkan kesedaran di kalangan pengusaha muslim dalam mendapatkan logo dan sijil pengesahan halal Malaysia, ialah :-

- i. Seminar Yakini Halal Malaysia;
- ii. Klinik Halal;
- iii. Pameran Halal;
- iv. Program Bimbingan;
- v. Program-program kesedaran halal; dan
- vi. Program pembangunan industri

Langkah-langkah tersebut telah berjaya mempertingkatkan sebanyak 203 di kalangan pengusaha muslim pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya yang memperolehi Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Berdasarkan data pemegang SPHM pada **tahun 2015**, sebanyak **1,874 pemohon bumiputera** yang telah memohon SPHM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **1216 atau 65% telah berjaya** memiliki SPHM dan sebanyak **658 atau 35% pemohon yang gagal** mendapatkan SPHM.

Bagi **tahun 2014** pula, sebanyak **2124 pemohon bumiputera** yang telah memohon SPHM dan sebanyak **1306 pemohon atau 61% telah berjaya** memiliki SPHM berbanding hanya **818 pemohon atau 39% sahaja yang gagal.**

Sekian, terima kasih.